

Penduduk dakwa kerja mengorek sebagai punca

# Bimbang dilanda banjir besar

Oleh LUQMAN HAKIM RAHIM

mohdluqman@kosmo.com.my

**HULU LANGAT** - Sistem perparitan usang dan tidak diselenggara dengan sempurna adalah antara punca berlakunya kejadian banjir kilat.

Penduduk Kampung Sungai Raya, Batu 10, Hulu Langat turut menghadapi masalah ini sejak sekian lama.

Tinjauan *KOSMO!* ke kawasan terbabit mendapati, limpahan air yang bercampur lumpur mengalir keluar dari sebuah paya yang berdekatan dengan jalan utama.

Apa yang lebih menghairankan lagi, terdapat pula papan tanda yang memberitahu '50 meter di hadapan kawasan banjir', tetapi ia dibiarkan tanpa diambil peduli.

Penduduk yang ditemui turut melahirkan rasa tidak puas hati dengan kerja-kerja membuat saliran baru untuk pengaliran air dari paya tersebut.

Seorang penduduk, Aswawi Zakaria, 35, berkata, banjir di kampung

berkenaan berpunca daripada kerja mengorek tanah paya tersebut, sekali gus menyebabkan air lumpur terbentuk apabila hujan.

Malah Aswawi memberitahu, dia pernah melihat pihak berkuasa datang meninjau masalah tersebut. Bagaimanapun, tiada tindakan diambil untuk mengatasi masalah itu.

"Setiap kali hujan lebat, banjir kilat akan berlaku sehingga menyebabkan jalan menjadi sesak di sini," ujarnya.

Kamaruddin Ali, 43, pula berkata, dia bimbang kejadian banjir kecil berkenaan akan bertambah buruk jika kelewatan kerja-kerja pembaikan tidak disegerakan.

"Kediaman di sini terletak di lokasi tanah rendah. Tidak mustahil jika suatu hari nanti banjir besar boleh berlaku sehingga menenggelamkan semua rumah di sini," katanya.

Para penduduk berharap pihak berkuasa segera memperbaiki sistem perparitan yang tidak sempurna bagi mengelakkan risiko berlakunya tragedi berkenaan.



**JALAN** di Kampung Sungai Raya, Batu 10, Hulu Langat yang sentiasa digenangi air kerana kerja-kerja mengorek tanah yang tidak sempurna.